

**PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA  
DI BILIK GERAKAN NEGERI, KOTA DARUL NAIM, KOTA BAHRU, KELANTAN**

**AHAD, 8 Januari 2012**

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir:**

YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]  
YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]  
YB. Tuan P. Kalamanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]

**Tidak Hadir [*Dengan maaf*]:**

YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili  
*[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]* - *Pengerusi*  
YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]  
YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]  
YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]  
YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]  
YBhg. Datuk Rosmee binti Hamzah - *Setiausaha*

**URUS SETIA**

Encik Seman bin Pa Chik [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan]  
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Mohd Ikram bin Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim [Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Zulfazly bin Mohammad [Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]

**HADIR BERSAMA**

**Parlimen Malaysia**

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

**Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia**

YBhg. Dato' Haji Noordin Che Ngah [Timbalan Setiausaha (Pilihan Raya)]  
Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha (Penyelidikan)]  
Encik Mohamed bin Mahmood [Pengarah Pilihan Raya Negeri Kelantan]  
Puan Rohana binti Wan Ahmad [Timbalan Pengarah Kelantan]  
Encik Shah Aruzaman bin Ismail [Setiausaha Bahagian (Pilihan Raya)]  
Encik Ibrahim Saad [Setiausaha Bahagian (Penyelidikan)]  
Cik Yusniati Ishak [Setiausaha Bahagian]  
Encik Hamzah Mohd Noor [Penolong Setiausaha (Akademi Pilihan Raya)]  
Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad [Pegawai Latihan (Akademi Pilihan Raya)]  
Encik Suhaimi bin Saudi [Setiausaha Bahagian (PSM)]  
Puan Hartini Mohd Noor [Penolong Setiausaha (Akademi Pilihan Raya)]  
Cik Noor Azira Ahmad Zuki [Penolong Setiausaha (PSM)]

*samb/-*

---

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)**Kementerian Dalam Negeri**

Puan Siti Zaayah binti Osman [Setiausaha Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan]  
Puan Rafidah Datu Derin [Timbalan Setiausaha Bahagian]  
Puan Wan Rahimah binti Wan Hamat [Pengarah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) Kelantan]  
Cik Zuriah Dollah [Timbalan Setiausaha Bahagian Parlimen]  
Cik Siti Atiqah Fatih [Penolong Setiausaha (PD)]  
Puan Nur Hasnida binti Mohamad [Pegawai Tadbir PP D1]  
Encik Fazli Dian bin Azimuddin [Pegawai Tadbir PP 14]  
Cik Effa Nurzainani Jaffar [Penolong Pengarah Imigresen]

**Jabatan Pendaftaran Negara**

Puan Rosnani A. Rashid [Pengarah JPN Pahang]  
Puan Nafisah binti Abdullah [Pengarah JPN Terengganu]  
Encik Hassan Wahid [Pengarah]  
Puan Nurul Ashikin Subli [Timbalan Pengarah JPN Ibu Pejabat]  
Puan Noor Izzati binti Ismail [Timbalan Pengarah JPN Putrajaya]  
Puan Siti Aminah binti Mohd Ramli [Penolong Pengarah JPN Pahang]  
Encik Nik Hassan Fauzi bin Nik Abdullah [Penolong Pengarah Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat]  
Puan Laila binti Majid [Timbalan Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat]  
Puan Nik Nurashikin binti Nik Mansor [Timbalan Pengarah Bahagian Kewarganegaraan]  
Encik Nooruladzim bin Aieman [Timbalan Pengarah Bahagian Kad Pengenalan]  
Encik Ruslan bin Alias [Penolong Pengarah Bahagian Kad Pengenalan]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Puan Junipah Wandu [Timbalan Pengarah Bahagian Pemeriksaan & Perundangan]  
Puan Hamidah binti Mohd Nadzri [Timbalan Pengarah]  
Encik Che Aziz Hamzah [Timbalan Pengarah (Operasi)]  
Encik Ismajuri bin Ismail [Penolong Pesuruhjaya]  
Tuan Mazery bin Mohd Zaini [Penguasa]  
Encik Rosdi Hassan [Penguasa Kanan]  
Encik Jamaluddin bin Sarip [Penolong Kanan Penguasa]

**Polis Diraja Malaysia**

YBhg. SAC Dato' Abdul Malek Harun [Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Forensik Data Bank) Bukit Aman]  
YBhg. SAC Dato' A. Rahman Ahmad [Urusetia Cawangan Khas]  
SAC Abdul Hamid Mohd Ali [Komander Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Bukit Aman]  
SAC Hasanuddin bin Hassan [Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Perjawatan)]

**Kementerian Pertahanan**

Lt. Kol. Omar Daud [Penyelaras Parlimen]  
Kapten Azizi bin Elias [PS3 ICT (Operasi)]

**Kementerian Luar Negeri**

Encik Aneurin Ignatius [Penolong Setiausaha]

*samb/-*

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)

**Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan**

Tuan Haji Abdul Rauf bin Jamalis [Ketua Penolong Pengarah]

Tuan Haji Zaharin Zainudin [Timbalan Setiausaha Bahagian]

Tuan Haji Fathur Rahman Othman [Penolong Pengarah JASA]

Encik Lee Guan Hooi [Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Kelantan]

Encik Hasbi Mohd Hussein [Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Kelantan]

**MIMOS Berhad**

Encik Kamarulzaman Abd. Mutalip [Pengurus Kanan]

**SAKSI-SAKSI (PENDENGARAN AWAM)**

**Individu**

Encik Mohd Noor bin Mat Yajid

Encik Mohd Apandi Mohamad

---

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA  
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KELIMA****Dewan Gerakan Negeri, Kota Darul Naim, Kota Bharu, Kelantan****AHAD, 8 Januari 2012****Pendengaran Awam dimulakan pada pukul 9.30 pagi****[Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn  
*mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Sekarang sudah pukul 9.30 pagi. Selamat pagi dan salam sejahtera Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya Dewan Rakyat Parlimen Kedua belas dan semua wakil-wakil daripada agensi kerajaan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang tahan sampai pagi ini... *[Ketawa]*

Saya ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, Pengerusi Jawatankuasa ini tidak dapat hadir kerana beliau ada hal-hal rasmi yang terpaksa beliau balik ke Kuala Lumpur semalam. Saya dimandatkan untuk mempengerusikan sesi ini. Pada hari semalam Jawatankuasa telah mendengar cadangan dan input daripada enam pertubuhan parti politik dan individu. Sukacita saya ingin mengingatkan kepada semua Ahli Jawatankuasa Kecil serta pegawai-pegawai untuk memberi maklum balas terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Untuk hari ini Jawatankuasa akan meneruskan sesi pendengaran awam di Kota Bharu, Kelantan. Setakat ini urus setia belum lagi menerima permohonan dari pihak awam untuk memberi maklumat atau *feedback* atau input kepada Jawatankuasa. Oleh yang demikian, sekiranya sudah ada, saya ingin menjemput saksi untuk masuk ke bilik mesyuarat ini. Sementara menunggu saya ingin mendengar sedikit input-input daripada pegawai-pegawai kerajaan, cadangan atau refleksi berkenaan dengan semua *public hearing* yang kita dengar. Mandat kita ialah untuk membuat apa yang *reasonable* yang kita boleh terima. Bukan sahaja *reasonable* tetapi yang boleh mempercepatkan dan membuat proses pilihan Parlimen itu lebih *transparent* kepada semua pihak. Jadi kita akan tunggu di sini atau sesi di sini sehingga lebih kurang satu jam. Kalau tidak ada apa-apa, saya cadangkan kita boleh *adjourn* sehingga *public hearing* di Johor Bahru.

Semalam kita ada beberapa cadangan dan juga input. Oleh kerana semua pertanyaan akan direkodkan secara rasmi, jadi saya sendiri ada beberapa pertanyaan. Boleh tanya? Ini berkaitan dengan keputusan mahkamah tentang petisyen yang diambil oleh rakyat Malaysia berkenaan dengan pendaftaran mereka sebagai *absentee voters*. Bolehkah kita terangkan sedikit, apakah asas keputusan? Boleh kita bincang sedikit berkenaan atau - Keputusan telah dibuat oleh hakim itu. Jadi, saya sebagai Ahli Jawatankuasa ingin mendapatkan sedikit penterjemahan tentang keputusan. Apakah asas hakim tersebut membuat keputusan dan bagaimana kita boleh terangkan kepada rakyat jelata tentang keputusan tersebut?

Bolehkah saya mendengar sedikit daripada SPR, *just put it in a layman's terms*, keputusan hakim tersebut kenapa dia kata asas untuk hakim tersebut membuat keputusan menolak petisyen mereka diregisterkan sebagai *absentee voters* ini.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah [Timbalan Setiausaha (Pilihan Raya)]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Pilihan Khas Penambahbaikan Proses Pilihan Raya, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Penolakan itu berasaskan kepada mereka adalah tidak layak ataupun tidak termasuk di dalam kumpulan yang layak di bawah kategori pengundi tidak hadir. Untuk makluman mesyuarat, berdasarkan kepada peraturan-peraturan Pilihan Raya Pendaftaran Pemilih 2002, pengundi tidak hadir ialah pertamanya... [*Gangguan sistem pembesar suara*] ...Untuk menjadi pemilih tidak hadir.

Ketiganya iaitu yang berkhidmat di luar negara dengan *embassy*, dengan kedutaan, pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan kedutaan dan pasangan.

Keempatnya iaitu pelajar-pelajar Malaysia yang belajar sepenuh masa di luar negara serta pasangan. Ini sahaja. Jadi bagi mereka selain daripada kategori-kategori ini, katakan mereka berkhidmat sendiri, menjalankan *business* di luar negara dan sebagainya, maka mereka tidak termasuk dalam kumpulan ini. Jadi dengan itu, asas penghakiman itu mereka ini bukan daripada kategori ini. Oleh itu undang-undang jelas mereka tidak layak untuk dikelompokkan sebagai pengundi tidak hadir. Itu sahaja.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Ertinya kalau mereka layak didaftarkan sebagai *absentee voters* ini, mereka layak untuk menghantar *vote* atau undi mereka secara poslah.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Untuk makluman Yang Berhormat, mereka tidak hilang kelayakan. Katakan mereka telah mendaftar di Malaysia, jadi untuk melaksanakan undi mereka perlu balik ke kawasan mereka.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Yes. Oleh kerana mereka ini tidak layak untuk dikategorikan sebagai pengundi tidak hadir kecuali SPR menambah kategori mereka ini juga adalah sebagai pengundi tidak hadir. Akan tetapi buat masa ini empat kategori tadi dikelompokkan sebagai pemilih tidak hadir, tentera dan pasangan, polis. Tentera dan pasangan jika pasangan itu memilih, kemudian anggota polis, pegawai di kedutaan *plus* pasangan dan juga pelajar-pelajar sepenuh masa dan pasangan. Selain daripada itu tidak termasuk dalam kategori. Yang lain dia kena balik ke tempat masing-masing.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya mohon penjelasan selanjutnya. Kategori pelajar ini maksudnya pelajar yang ditaja kerajaan ataupun pelajar yang sebagai apa..kedua-dua sekali?

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Maknanya swasta dan sebagainya asalkan dia sepenuh masa.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Termasuk bukan sahaja terhad kepada universiti sahajalah. Kalau dia ada di kolej lain dan kalau dia sudah lebih dari 21 tahun tetapi masih belajar di sekolah pun bolehlah?

Mereka tidak ada dalam kategori ini masih berhak mengundi tetapi mesti balik ke kawasan-kawasan tersebut. Bagi mereka yang telah diiktiraf sebagai *absentee voters*, mereka hantar *postal vote* mereka ke kawasan-kawasan yang..

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Untuk makluman Tuan Pengerusi, maknanya katakanlah pegawai kedutaan kita mendaftar di Malaysia. Apabila dia berkhidmat di luar negara, dia tidak memohon pertukaran status kepada pengundi tidak hadir. Maka dia tidak dikelompokkan di dalam pengundi tidak hadir. Dia perlu balik juga sehingga dia memohon untuk menukar statusnya kepada pengundi tidak hadir beralamatkan di pejabat kedutaan itu. Kalau tidak, dia perlu balik.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Bukan automatik?

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Bukan automatik.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Pelajar-pelajar juga mesti memohon?

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Ya, memohon tukar status kepada pengundi tidak hadir. Kalau tidak maknanya nama dia di tempat asal.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Akan tetapi tempat kawasan dia, dia boleh pilih? Kalau dia mohon, dia boleh pilih kawasan yang dia hendak hantar undi dia?

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Tidak. Kepada alamat yang didaftarkanlah. Kalau dia daripada Alor Gajah, Yang Berhormat, maknanya posnya nanti akan dihantar ke Alor Gajah.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Bagaimana dengan keadaan ini, kalaulah dia pelajar sepenuh masa dan berdaftar sebagai tidak hadir tetapi semasa pilihan raya dia bercuti, ada di Malaysia dan hendak mengundi. Bagaimana kaedahnya? Sebab dia pengundi. Dia tidak hilang kelayakan. Masa itu sahaja pilihan raya, dia berada di tanah air, kebetulan. Bagaimana?

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Amalan yang kita laksanakan adalah kita dengan bantuan Wisma Putra. Jadi kertas undi itu akan dihantar melalui Wisma Putra dan Wisma Putra akan memperoleh nama-nama mereka itu *especially* bagi yang bertugas di kedutaan. Bagi pelajar-pelajar pula, ada dalam kedutaan jika mereka register dengan kedutaan kita. Masalahnya kalau mereka tidak register dengan kedutaan, jadi kedutaan pun tidak mendapat maklumat mereka, *whereabouts*. Jadi kalau bagi yang beralamat di luar negara tadi, melalui Wisma Putra, kita hantar ke sana. Kalau dia berada di Malaysia pada waktu itu tidak kenal. Maknanya tidak bolehlah.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Nama pengundi itu tidak akan dimasukkan dalam Alor Gajah misalannya alamat Alor Gajah tetapi dia dimasukkan dalam *postal vote* untuk Alor Gajah. Dia tidak boleh terus pergi ke satu-satu saluran di Alor Gajah untuk mengundi. Dia mesti ikut saluran itulah.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Ya, ya.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ini kita kena perjelaskan sebab masa itu masa tegang. Tiba-tiba dia datang ke sana, dia kata "*Saya memang pengundi di sana*". Memang dia tahu dia pengundi di luar negara tetapi semasa pilihan raya itu.. . *I think* kita..

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Untuk *postal vote* itu, kita juga ada satu senarai nama-nama bukan? Siapa yang pegang senarai nama-nama *postal vote* itu?

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Dalam daftar pemilih kita itu ada Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Ya, 400? Dalam register itu nama *postal vote* itu ada?

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Ada.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Dengan alamat?

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Ya, dengan alamat. Ada mengikut kod-kod tertentu yakni luar negara dan sebagainya.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Asas dakwaan bahawa kita boleh dengan sengaja hantar *batch postal vote* ke mana-mana, itu tidak timbullah kerana nama-nama *postal vote* itu semua ada rekod dan dia mesti dihantar ke tempat yang telah diregisterkan.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Untuk makluman, masalah yang berlaku iaitu kadang-kadang mereka ini telah kembali ke tanah air dan dia tidak *update* maklumatnya dengan Wisma Putra. Jadi kalau dia tidak *update* dia telah balik ke Malaysia, nama dia masih lagi dalam pengundi tidak hadir tadi, pengundi pos di luar negara.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Jadi ini sama dengan *absentee vote* giliran askar dan juga polislah? Kita ada senarai nama-nama mereka yang itu mengikut pendaftaran mereka di kawasan-kawasan tertentu. Semua itu *postal vote*. Jadi dakwaan bahawa SPR boleh sengaja hantar beribu-ribu *postal vote* ke mana-mana kawasan yang pihak-pihak tertentu akan kalah, itu tidak timbullah kerana kita ada rekod saluran semua itu bukan?

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Ya.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *We have to clarify that* kerana selalu dia bayangkan bahawa oh nampaknya sini sudah rugi, masih di belakang, 1,000 dia hantar 2,000.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Yang Berhormat, kalau boleh di sini saya sebutkan macam apa yang berlaku katakan di dalam yang timbul masalah sedikitlah iaitu sebagai contoh dalam Bagan Pinang dahulu. Sebagai contoh ya Yang Berhormat. So yang *reside the camp* itu katakan 4,000 tetapi yang ada sebenarnya dalam kem itu katakan 3,000 tetapi 1,000 itu lagi itu katakan telah berada di operasi dan sebagainya. Jadi yang 1,000 itulah dia khuatir, yang tidak ada dalam kem tadi. Yang ada dalam kem itu semua turun mengundi dan sebagainya. Yang 1,000 lagi itulah yang dipertikaikan.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Yang 1,000 itu..

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Yang kita hantar kertas kepada..

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Hantar balik ...

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Ya.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Itu akan menjejaskan atau ada akibat kepada keputusan yang akhirlah. Dia tidak timbul *out of nowhere*. Itu mereka ada..

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■0945

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Sebenarnya 1,000 itu memang berdaftar dalam kem yang itu.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Semua penjelasan itu kita mesti *communicate*lah.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Tuan Pengerusi, jadi yang penolakan lima orang itu adalah kerana mereka tidak layak sebagai pemilih tidak hadir kerana bukan termasuk dalam kategori yang empat tadi. Itu sahaja.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Dia masih layak sebagai warganegaralah. Tidak hilang kelayakan.

Okey, terima kasih. Kalau ini untuk hendak bertanyalah, sekiranya kita membolehkan warga negara Malaysia mengundi untuk tidak hadir, pernahkah kita membuat satu macam *forecast* belanja kalau kita sekiranya hendak membolehkan mereka ini *estimate on how much election commission would have to spend?* Sebab pada saya memang belanja begitu besar sekali.

**Encik Harun Che Su:** Tuan Pengerusi, sejak adanya unsur-unsur yang kita dengar ini, SPR dalam proses sebenarnya mendapatkan fakta-fakta yang berkaitan. Misalnya berapa ramai pelajar kita mengikut penaja-penajalah dan juga anggaran pelajar swasta, pelajar persendirian. Kita sedang mengumpul maklumat tersebut dan daripada situ kita akan berhubunglah dengan semua agensi yang berkaitan termasuk Wisma Putra, penaja-penaja yang besar seperti JPA, Petronas dan sebagainya dan kita akan cubalah *forecast* berapa ramai sebenarnya yang layak untuk kita daftarkan sebagai pemilih tidak hadir. Kalaulah kita kategori tambahan yang akan diwujudkan nantilah.

Daripada situ nanti kita dapat maklumkanlah. Mengambil masa sedikit kerana mereka ini berselerak dan kebanyakannya tidak *update* alamat mereka di *embassy*, di kedutaan kita. Itu yang masalahnya. Sesetengah itu mereka pergi dan dia hendak melarikan diri. Tidak mahu *declare* mereka pergi dan berada ke situ. Ini pengalaman saya sendirilah semasa saya buat di luar negara. Ramai sebenarnya yang elak diri dia diketahui sebenarnya. Dia berniaga kebanyakannya dengan sendirilah. Bila sampai bab *election* ini dia hendak *involve* pula. Jadi nampaklah yang dia tujuan itu semua. Perkara itu akan kita kajilah semua itu dan kita akan tetapkan kemudian.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasihlah. Saya sendiri rasa selain daripada proses pemilihan yang kita mesti buat dari segi proses-proses untuk membuatkan lebih *transparent*, kenaikan taraf SPR juga penting.

Apakah langkah yang kita ambil? Kita sudah buat beberapa cadangan. Satunya ada bajet yang berasingan. Dua, proses pemilihan pengerusi dan ahli-ahli dan juga adakan lebih ramai pegawai dan juga adakan akademi latihan dan sebagainya. Saya harap semua itu, kita boleh laksanakan supaya kita boleh menguatkan mekanisme SPR untuk menjalankan pilihan raya.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Tuan Pengerusi, semalam ada disebutkan mengenai dengan pendidikan pengundi semalam, *voter's education* semalam, dengan izin. Sebenarnya kita buat masa ini di bawah SPR telah ada dipanggil Akademi Pilihan Raya telah pun kita wujudkan dan saya ingat dalam dua atau tiga tahun yang lampau diketuai oleh seorang pengarah akademilah. Sebenarnya apa yang dibangkitkan semalam ada cadangan supaya kita masuk kampus IPTA, IPTS dan sebagainya itu telah kita laksanakan.

Cuma *in future* ini kita kena memperkuatkan lagilah. *Provided that*, kita diberikan tambahan perjawatan dan sebagainya. Akan tetapi akademi itu telah ada. Cuma kita hendak memperkasakan dan memperluaskan dengan penambahan bajet dan juga staf yang mencukupi. Kita telah ada. Kemudian dari segi pengukuhan dalam *pipeline now*, jadi kita akan adakan mesyuarat dengan JPA dalam masa terdekat ini untuk mengambil kira perjawatan termasuk peringkat negeri, peringkat ibu pejabat pasal kita lihat banyak perkara yang diberikan kepada SPR itu dengan pelbagai ekspektasi, termasuklah juga kita di peringkat SPR membincangkan perkara tadilah iaitu cadangan pelantikan dan sebagainya itu. Memang kita telah...



**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Seperti daripada *feedback* ada kumpulan-kumpulan tertentu, NGO yang menjalankan latihan untuk *for voters* ini.

Sebenarnya itulah tugas SPR ini. Bukan? Tetapi *of course*lah, kalau NGO mahu tolong, kita boleh tolong.

**Encik Harun Che Su:** Tuan Pengerusi, ini untuk makluman Tuan Pengerusi. Ada juga NGO yang buat kerjasama dengan SPR. Misalnya dalam contoh mendaftar pengundi-pengundi yang gagal mendaftar iaitu tiga juta lebih ini, ada yang datang ke SPR dan kami bagi maklumat-maklumat yang dikehendaki. Misalnya tempat di mana yang ramai tidak mendaftar, mereka akan turun bagi *feedback* balik kepada SPR.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Pernah kalau ada NGO tolong mahu menjalankan kursus.

**Encik Harun Che Su:** Ya.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ini satu perkara yang pernah dibincangkan iaitu pemindahan pengundi dari satu tempat kepada satu tempat mungkin tujuannya tertentulah bagi pihak yang mengendalikannya. Adakah sistem ataupun mekanisme di SPR untuk kita dapat *alert* kepada perbuatan begitu? Ini bukan yang sah, yang orang di sana yang memang mendaftar sebagai pengundi tetapi untuk tujuan tertentulah sekiranya parti-parti politik seperti yang ditimbulkanlah iaitu aduan yang memindahkan beratusan atau ribu sekali gus ataupun berperingkat-peringkat.

Adakah mekanisme di SPR untuk membantu? Memang *the honest of burden* kata orang memang terletak kepada semualah Ahli-ahli politik dan sebagainya. Akan tetapi dalam pada itu juga, itulah saya dua, tiga kali sudah mengulangi pertanyaan. Adakah mekanisme untuk SPR tahu ini mungkin macam luar biasa sedikit perbuatan ini?

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Tuan Pengerusi, proses pertukaran alamat daripada satu tempat ke satu tempat, SPR tidak boleh laksanakan kecuali pemohon itu sendiri, pemilih itu sendiri, memohon untuk bertukar alamat. Katakan saya daripada Pekan, Pahang hendak bertukar ke Alor Gajah. Saya sendiri kena memohon. Tidak boleh orang memohon bagi pihak saya, itu tidak boleh. Itu yang pertama. Kedua, kalau saya hendak memohon ke Alor Gajah, mesti alamat bermastautin saya sudah tinggal di Alor Gajah. Baik, untuk SPR mengetahui sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk tadi, SPR, kita ini menerima mana-mana alamat yang telah ditukar oleh pemilih dengan JPN.

Jadi, katakan seseorang pemilih itu sekarang berada di Pekan, dia hendak bertukar ke Alor Gajah. Maka dia pergi kepada JPN, ini alamat saya di Alor Gajah. Maka dia buat pertukaran alamat di Alor Gajah. SPR tidak tahu. Maka, bila dia ada alamat di Alor Gajah, dia *apply* untuk pindah ke sana. Maka SPR akan memproses. Cuma satu ada ruang di situ, sebab itu di bawah undang-undang dibenarkan tujuh hari untuk dipamerkan rang daftar pemilih tambahan bagi memastikan *local* itu *check*, orang ini adakah tinggal di sini ataupun tidak? Untuk SPR mengetahui mereka ini betulkah di sini, kita tidak ada mekanisme Tuan Pengerusi, Datuk. Jadi, maknanya pada masa bantahan seminggu itu, dia boleh *check* orang ini bukan di sini ataupun alamat ini tidak wujud di sini. Maka dia boleh buat bantahan sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Fatah semalamlah, pemangkah hantu dan sebagainya.

So, maknanya kalau terbukti dia tidak duduk di situ, maka pendaftar saya, pengarah negeri akan terima bantahan. Apabila terima bantahan, maka mereka tidak jadi dipindahkan. Dia balik ke tempat asal itu.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya lah, balik kepada kenyataan itu semalam, dia kata stesen bas pun, ada tujuh orang beralamat di stesen bas itu. Akan tetapi kita tidak ada mekanisme hendak tahu. Tidak tahulah stesen bas itu, bagaimana dia buat alamat itu.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Itu kata dia.

**Puan Rosnani A. Rashid [Pengarah JPN Pahang]:** Tuan Pengerusi.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Ya.

**Puan Rosnani A. Rashid:** Tentang pertukaran alamat ini, seseorang itu hendaklah kalau mengikut peraturan kita di bawah peraturan 15(1), mana-mana orang yang didaftarkan di bawah peraturan-peraturan ini yang bertukar tempat kediamannya ke suatu tempat yang dia mungkin tinggal selama tempoh 90 hari atau lebih, hendaklah dalam masa 14 hari dari pertukaran itu melaporkan fakta itu ke pejabat pendaftaran yang berdekatan dan hendaklah memohon kad pengenalan gantian. Jadi semasa mereka mengemukakan permohonan, kita ada minta dia mengisikan satu borang sumpah. Jadi berdasarkan itu kita akan proses permohonan tukar alamat ini.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *Strictly speaking, terrifically* bukan, ambil *practically* dari segi praktislah. Alamat bas stesen itu boleh dipakai kalau dia misalannyalah kalau dia seorang pekerja di sana. Dia bekerja di sana *officially*, atas bas atau dia pegawai yang *inspect ticket* atau di itulah alamat urusannya, *business addressnya* dia boleh pakai itu. *Strictly speaking*lah. Bas stesen itu kalau dia bekerja di sana, dia boleh pakai itu sebagai alamat dia. *Strictly speaking*. Jadi, kalau keadaan seperti itu, memang dia bukan seorang pengundi hantu. Dia ada bekerja di sana, dia boleh berhak untuk mengundi di sana. Mungkin dia bekerja di sana dua atau tiga bulan. Selepas itu, dia pindah ke alamat yang lain. Itulah, / *mean strictly speaking*lah.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah [Timbalan Setiausaha (Suruhanjaya Pilihan Raya)]:** Tuan Pengerusi, dia bermastautin, dia mungkin bekerja di situ. *Everyday* dia pergi ke situ tetapi tempat dia tinggal bukan di situ... [Disampuk] Sebelah katakan ya?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang mana kita guna, alamat kediaman atau tempat kerja? Itu mahu spesifik... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Kilang-kilang tidak boleh. Kalau dia bekerja seorang, pekerja di kilang dia tidak boleh pakai alamat itu. Okey, okey, itu kira *clear*lah. Dia mesti pakai *residence address*. Banyak kampung itu yang tidak ada *residence address* di kampung sahaja. Kampung Machap, itu kampung sahaja. itu boleh kita terimalah... [Disampuk] Ya, itu...

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Satu saya hendak *highlight* tetapi ini begitu spesifik sangatlah di Daerah Kapit. Baru-baru ini, kita buat ada perubahan kepada alamat seperti Dato' biasa di Sarawaklah. Ini untuk kita hendak memudahkan urusan yang lain tetapi ia terlibat nama alamat. Dahulu ia digunakan di Daerah Kapit, kawasan sayalah. Kalau si ketua kaum di sana, nama dia Alex. Rumah panjang itu, keluarga 30 orang satu rumah panjang. Rumah Alex, Nanga Sungai di Kapit.

Jadi, kalau saya tidak lagi menjawat jawatan itu pada tuan rumah Fong, jadi nama rasmi tempat itu Rumah Fong, tempat yang samalah Nanga Sungai dan lain. Jadi sebab kita memikirkan dan ini mengelirukan dan ada juga masalah yang lainlah, akaun bank untuk JKK dan sebagainya. Jadi, dalam setahun dahulu saya sendiri terlibat dan pegawai daerah, tuan *residence*. Kita buat supaya begitu lambat tidak perlu lagi bertukar nama. Kita mengikut nama tempat. Macam kita cakap Melayulah, tempat itu Pasir Maskah? Tidak mengikut nama ketua itu sebab dia meninggal, dia letak jawatan dan lain-lain.

#### ■1000

Jadi, dalam masa dua tahun ini kita sudah buat itu di daerah Kapit, Kapit *district only*. Terhadap, yang lain belum lagi diguna pakailah. Ini idea kita. Jadi, pertukaran ini mungkin ada kesan nanti. Bagaimana? Ini saya hendak *alert* kan sedikitlah. Cepat, kepada SPR sebab mungkin mereka perlu menukarkan alamat di MyKad. Apatah lagi kita akan *issued* kan dengan kad baru lagi. Dia tidak akan guna rumah Alex. Dia akan menggunakan nama sungai, macam itu sahaja untuk yang kekal nama itu. Nama tempat, bukan kepada nama ketua kaum di sana semasa itu. Jadi, kalau ini terjadi, adakah ini memerlukan atau apakah ini mungkin diterjemahkan sebagai mereka ini perlu mendaftar semula di tempat itu? Pertukaran nama alamat itu.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Memang betul sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Dahulu di Sarawak, mereka banyak menggunakan tuai rumah. Maknanya apabila tuai rumah itu meninggal... *[Disampuk]* Jadi anak dia naik, sudah bertukar. Kita minta *update* dengan pejabat residen, pejabat daerah dan sebagainya. Oleh sebab itulah kita syorkan supaya diadakan berdasarkan nama kampung. Ia lebih kekal... *[Disampuk]* Saya ingat macam ini. Yang ini spesifik Datuk. Kalau boleh Datuk merujuk kepada saya, saya boleh rujuk kepada pengarah negeri lah. Yang mana yang telah ditukarkan itu, pasal ini melibatkan struktur alamat yang berbeza. Dahulu rumah Adin. Sekarang ini sudah kampung, sudah lain. Kalau takut melibatkan pertukaran alamat, alamat sudah berbeza dah itu. Nanti Datuk rujuk secara spesifik, saya boleh membantu di Sarawaklah.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ini kerana perlu mungkin selepas ini, saya beritahu tuan residen dan pegawai daerah untuk mengemukakan satu suratlah...

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Boleh.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Kepada SPR lah. Terima kasih.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** SPR Sarawak pun boleh Datuk, ya. Di SPR negeri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey, di Sarawak lah.

**Seorang Ahli:** Macam-macam boleh jadi.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** *Because we are updating* lah. Kita ketinggalan zaman sedikit...

*[Ketawa]*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *The whole* Sarawak macam itu? Semua tempat, kampunglah?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya tidak tahu tempat lain tetapi saya sudah mulakan di kawasan saya.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Tuan Pengerusi, ada sesetengah itu sudah pakai kampung. Ada sesetengah lagi masih lagi tuai rumah.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Akan tetapi lebih eloklah kita gunakan nama yang kekal itu. Ini kerana Tuan Pengerusi cadangkan, saya bertanyalah yang berkaitan juga, yang pernah saya bangkitkan dalam mesyuarat yang lepas ini. Bagaimanakah pada permohonan yang telah pun pernah dikemukakan untuk pemilihnya ataupun pengundi yang tidak hadir di Sarawak dan Sabah, di Semenanjung dan sebaliknya. Kita buat satu - untuk kita *facilitate* mereka ini boleh mengundi tetapi saya tahulah ia akan menggunakan belanja yang begitu besar dan sebagainya. Pada masa sekarang kita hendak bertanya, hendak penjelasan.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Untuk makluman Mesyuarat, buat masa ini masih lagi sebagaimana sekarang, *status quo*. Maknanya dia perlu balik. Buat masa inilah.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Sekarang ini mengikut undang-undang, *under the Employment Act* lah, dia boleh diberikan cuti satu hari untuk balik mengundi. Tidak ada. Setengah hari.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Dia diberikan kebebasan untuk pergi mengundi.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Okey.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Tidak ada cuti.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tidak ada?

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Tidak ada cuti.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Bukankah dalam SPR punya akta?

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Cuma diminta diberikan tempoh sewajarnya untuk dia membuang undi sahaja tetapi tidak ada...

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Secara...

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Cuma sesetengah negeri, dia *declare* cuti...

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Secara keputusan pihak majikan kalau dia mengizinkan pekerjaanya untuk balik. Kalau pekerja-pekerja di Semenanjung, kalau dia hendak balik mengundi, dia perlulah mengambil cuti sekurang-kurangnya dua hari. Satu hari pergi, satu hari balik menaiki AirAsia atau apa-apa.

**Seorang Ahli:** Perlu bayar itu. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Tuan Pengerusi, kalau dapat saya baca peruntukan Peraturan 25(1) Akta Kesalahan Pilihan Raya, "*Tiap-tiap majikan hendaklah, pada hari mengundi membenarkan suatu tempoh yang munasabah bagi tiap-tiap pemilih yang bekerja dengannya mengundi*".

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Jadi, mengikut tafsiran...

**Seorang Ahli:** Mandatorinya tiga hari.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Di bawah ini seterusnya, yang Peraturan 25(3) itu "*Mana-mana majikan yang, secara langsung atau tidak langsung yang enggan memberikan itu...*", ia kata, "*Sebagaimana peruntukan dalam seksyen ini, boleh apabila disabitkan secara terus didenda sebanyak RM5,000 atau dipenjarakan selama satu tahun*".

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Okey.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Majikan yang enggan melepaskan...

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** ...Saksi, dia sudah mendaftar. Dia hendak kita mendengar dia. Sekarang, berhenti sedikit. Saya menjemputlah Encik Mohd Noor bin Mat Yajid untuk masuk dan memberikan pandangannya kepada Jawatankuasa ini. Bolehlah, dijemput.

*[Saksi individu (Mohd Noor bin Mat Yajid) mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

**10.06 pg.**

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Sila, sila. Terima kasihlah Encik Mohd Noor datang ke sini untuk memberikan pandangan. Ini adalah Jawatankuasa Penambahbaikan Proses Pilihan Raya untuk Parlimen. Kita ingin mendengarnya pandangan saudara. Perlu diingatkan bahawa ini adalah merupakan sesi Parlimen dan semua yang diperkatakan adalah direkodkan melalui video dan sebagainya lah secara verbatim. Okey, silakan.

**10.08 pg.**

**Encik Mohd Noor bin Mat Yajid [Individu]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Oleh kerana mendengar banyak, encik diberikan masa lima minit untuk menyampaikan pendapat-pendapat encik.

**Encik Mohd Noor bin Mat Yajid:** Lima minit?

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Ya. Lima minitlah.

**Encik Mohd Noor bin Mat Yajid:** Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Encik Mohd Noor mewakili sebagai seorang individu atau organisasi?

**Encik Mohd Noor bin Mat Yajid:** Individu.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Individu. Okey.

**Encik Mohd Noor bin Mat Yajid:** Saya terus pada soalan, ya?

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Ya.

**Encik Mohd Noor bin Mat Yajid:** Terus pada cadangan. Cadangan pertama, supaya SPR mengguna pakai daftar pemilih yang digazet pada setiap suku bukan pada hari penamaan calon, sebagaimana yang berlaku pada tahun 2004. Itu cadangan pertama.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Okey.

**Encik Mohd Noor bin Mat Yajid:** Saya rasa tidak perlu huraianlah bukan? Kedua, memberikan kebebasan media kepada semua parti politik untuk berkempen dalam pilihan raya. Cadangan saya yang ketiga, supaya diadakan daftar pemilih automatik kerana orang Melayu yang paling ramai yang tidak mendaftar sebagai pemilih. Jadi, apabila berlakunya pendaftaran automatik, cukup umur 21 tahun, dengan sendirinya dia layak untuk mengundi. Kemudian yang keempat, saya cadangkan supaya kerajaan memberikan kuasa kepada wakil parti untuk membuat perpindahan pengundi. Yang ada sekarang ini SPR sahaja yang boleh membuat daftar pemilih pindah. Sedangkan parti-parti politik tidak boleh. Daftar baru atau daftar pindah ia berdasarkan pada alamat yang ada dalam kad pengenalan. Jadi, tidak timbul masalah apa-apa, bagi sayalah. Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih. Itu adalah pandangan. Terima kasihlah Encik Mohd. Noor. Kita akan merekodkan semua dan akan bincanglah tentang *feedbacks*. Okey, terima kasih. Itu cadangan tentang – ada? Kita akan rekodkan. Cadangan ialah kita izinkan pihak-pihak selain daripada SPR untuk membuat desakan pindahan pengundi-pengundi itu. Akan tetapi itu satu proses mungkin ada kesan yang luaslah. Kita boleh bincang. Okey. Tadi kita bincang tentang...

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

Tadi kita bincang berkaitan dengan isu-isu alamat itu bukan?... *[Disampuk]* Memang ini merupakan satu masalah rumit. Tadi, kita bincang. Keadaan sekarang ini di Sarawak dan Sabah, ada beribu-ribu orang pekerja di Semenanjung. *Actually that is a real problem* lah. Kalau hari mengundi mereka terpaksa balik mengundi, mengambil masa sekurang-kurangnya dua hari. Itu merupakan satu - *that is a real problem* lah. Bagaimana kita boleh selesaikan masalah itu sedangkan itu merupakan satu negara kita dalam - *it is a domestic problem*. Kalau mereka di *Singapore*, okeylah *we can say they must come back but in Malaysia* ini – bagaimana itu... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Boleh kita cari satu...

#### ■1015

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, hari itu apabila dibincangkan di SPR, yang nampaknya daripada apa yang katakan di Johor tetapi sebenarnya *Sarawakian* lah, tetapi bila kita membuat analisa, sebenarnya ada juga orang Perlis yang duduk di Johor dan ada juga orang Johor yang duduk di Perlis. Jadi oleh sebab seperti mana yang disebutkan oleh JPN tadi tiga bulan sepatutnya dia sudah bertukar alamat, jadi kalau bertukar alamat, bermakna dia kena mengundi di Johor kalau kita menggunakan di situ.

**Seorang Ahli:** Oh!

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Dan yang keduanya kalau kita buat macam itu, bermakna kita menggalakkan orang tidak bertukar alamat. Itu satu implikasi yang harus mengkajinya dengan terperinci, Yang Berhormat. Akan tetapi untuk mengambil kes Sabah dan Sarawak sahaja, tidak mencukupi kerana ramai juga orang-orang daripada negeri lain yang duduk di negeri lain. Jadi maknanya kalau kita buka di Sarawak untuk Sarawak, kena buka juga untuk lain. Maknanya kita kena fikir mekanisme yang sama itu.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Dato', bagi saya ia ada beberapa isu yang mungkin sedikit berlainan. Kita faham kalau orang Perlis di Johor atau sebaliknya orang Johor di Perlis begitu jauh, tetapi Johor dan Perlis sekurang-kurangnya ada jalan raya, ada kereta api atau kaedah yang agak lebih mudah dan senang serta murah jika dibandingkan dengan Johor kalau hendak pergi ke Sabah atau Sarawak yang terpaksa menggunakan pesawat melainkan kapal – tidak ada kapal pun. Jadi dari segi itu ada satu pertimbangan yang boleh dipertimbangkan.

Akan tetapi yang satu lagi isu yang JPN tadi ataupun yang memerlukan seseorang itu menukar alamat kediaman, itu memang satu peraturanlah. Saya tidak ingat, peraturan ataupun undang-undang?... *[Disampuk]* Ha, peraturan. Itu kita kena patuh lah, tetapi ramai yang tidak buat pun sebab orang kita ini – bukan orang-orang Iban, orang Sarawak sahaja tetapi orang semenanjung pun sama, dia hendak mengekalkan alamat kediaman di kampung asal mereka.

Akan tetapi kalau orang Kapit memang dia bekerja bukan sahaja di Johor, di Sabah pun dia ada dan di mana-mana pun dia ada, di luar negara pun ramai juga kan, jadi memang mereka tidak mahu menukar alamat kediaman. Saya ingat yang lain pun begitu juga, bukan orang Sarawak sahaja. Jadi itu isu lainlah sedikit.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Dahulu kita ada mendengar ini semasa sesi di Kuching dan sebagainya. Mereka kata hanya orang Sarawak yang boleh mengundi di Sarawak iaitu... *[Disampuk]* Betul, bukan? Jadi orang semenanjung yang bermastautin di Sarawak, dia tidak izin – bukan tidak izin lah tetapi tidak galakkan – jadi inilah masalah kita.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Itu pandangan segelintir oranglah itu ataupun parti tertentu.

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** *Intimate connection.*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Ya, atau *intimate relationship.*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tan Sri pun pada pagi itu betul, bagaimana dia boleh katakan askar atau polis tidak ada *intimate connection.* Itu tidak betul.

**Beberapa Ahli:** *[Berbincang sesama sendiri] [Mikrofon dimatikan]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Akan tetapi yang satu lagi, ada banyak saranan untuk membolehkan kita menurunkan had umur 21 kepada 18 tahun. Saya tertarik dan saya boleh bersetuju dengan pandangan ada seseorang yang datang kelmarin yang mengatakan kalaulah kita dapat mengambil pekerja sebagai seorang polis yang mempunyai tanggungjawab yang sangat besar dan askar dengan usia 18 tahun yang bertanggungjawab begitu penting sekali, tetapi kenapa untuk menjadi pengundi itu kita memerlukan umur yang lebih matang iaitu 21 tahun selain daripada yang dikatakan menonton tayangan itu, itu lain sedikitlah. Akan tetapi bagi saya, askar dan polis, kalau 18 tahun seseorang itu menjangkau umur 18 tahun dibolehkan dengan dipertanggungjawabkan dengan begitu penting sekali, jadi saya boleh terima logiknya itu mungkin kita sepatutnya turunkan kepada 18 tahun.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Saya rasa kita tunggu sehingga 10.45 pagi. Kalau tidak ada orang, kita akan *adjourn* sedikit *public hearing* sehingga ke Johor Bahru, mereka ada peluang lagi. Akan tetapi masalah kita di sini untuk Sarawak dan Sabah... *[Disampuk]* Bukan masalah, pekerja-pekerja di Sarawak ini memang perasaan mereka ialah di Kapit, Sibu dan sebagainya. Emosi mereka ialah terus menjadi sebagai pengundi di sana, bukan di Johor Bahru atau di Kuala Lumpur. Mereka andaikan itu sebagai *transition* sahaja, mereka cari makan dan selepas itu balik ke Kapit. Jadi bagaimana kita boleh – *I mean let that kind of process go through.* Kalau dia bekerja sebagai eksekutif, boleh, dia boleh balik naik AirAsia balik. *They can do that.*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Perkara ini bukan terhad kepada Sabah dan Sarawak yang bekerja di Johor, cikgu-cikgu di semenanjung pun ramai sangat di sekolah-sekolah kita di pedalaman di Sarawak...

**Tuan Pengerusi:** Ha, mereka pun mahu balik juga.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Mereka yang berjuang itu, mereka yang berkhidmat dengan begitu sekali, kita pun tidak memberikan dia peluang untuk dia mengundi.

Saya tidak hendak *argument* ini terhad kepada kita ini *champion* kan kaum Dayak, kaum Iban ataupun orang Kapit sahaja, bukan. Kita hendak isu ini ia menyeluruh. Ramai cikgu-cikgu...

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Ada kawasan yang lain itu, kawasan-kawasan seperti Kapit, Rajang dan yang lebih hulu lah, kalau mereka sudah keluar, boleh sampai masa pengundi di sana berkurangan. *All the young people come out, only the old folks stay back*, mungkin akan menjejaskan kedudukan sebagai satu kawasan Parlimen. Kemungkinan besar berlaku kalau semua orang muda keluar ke semenanjung dan menjadi pengundi di Lembah Klang dan sebagainya.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Sebenarnya di dalam banci yang mutakhir ini, dua tiga tahun yang lepas, di Daerah Song saya ingat, turun jumlah penduduk. Mereka berpindah ke Sibu dan sebagainya.

**Beberapa Ahli:** [*Berbincang sesama sendiri*] [*Mikrofon dimatikan*]

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Satu penerangan sedikit tentang – kita ada baca dari surat khabar, akan ada satu mesyuarat di antara MIMOS dengan JPN dan sebagainya berkaitan dengan bagaimana kita boleh menghubungkan kait sistem maklumat data itu, ada kemajuan tak?

**Encik Kamarulzaman Abd. Mutalip [Pengurus Kanan MIMOS Berhad]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kami telah mengadakan perjumpaan di antara SPR dan juga JPN pada 5 Januari yang lalu. Seperti mana yang telah dipersetujui oleh ketiga-tiga pihak, senarai daripada JPN berhubung dengan mereka yang telah meninggal dunia dan mungkin ada dua tiga lagi senarai yang dikemukakan daripada JPN kepada kami pada keesokan harinya iaitu hari Isnin. Begitu juga dengan senarai daripada SPR iaitu senarai pengundi-pengundi awam. So berdasarkan kepada senarai yang akan diberikan kepada kami, kami akan melakukan, kiranya satu sistem untuk memastikan bahawa senarai tersebut adalah tertera di dalam sistem berkenaan. So kita akan menunggu daripada senarai pada keesokan hari.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Secara khususnya ialah bekerjasama di antara JPN dan SPR lah, bagaimana SPR boleh dimaklumkan tentang pendaftar atau pengundi-pengundi yang telah meninggal dunia dan sebagainya. Boleh kah *the ours system allows that to be done – database?*

**Encik Kamarulzaman Abd. Mutalip:** Boleh Tuan Pengerusi. Berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan, kami boleh – seperti yang telah dibincangkan, terdapat enam kategori yang diminta oleh jawatankuasa sama ada pengundi yang berumur lebih daripada 90 tahun, satu alamat lebih daripada 50 orang dan sebagainya. Kami akan menggunakan satu sistem untuk membuat penyenaian semula berdasarkan kepada senarai-senarai yang telah diberikan oleh JPN itu.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Cabaran yang lebih besar ialah kerana kita tidak ada sistem laporan kematian secara automatik, bukan? Laporan meninggal dunia itu dihantar kepada JPN secara sukarela, bukan, *is it requirement?* Sekarang ini semua kematian perlu dilaporkan kepada JPN atau sampai kepada polis sahaja?

**Puan Rosnani A. Rashid [Pengarah JPN Pahang]:** Kita sekarang ada mengeluarkan borang baru iaitu permit mengubur dan juga laporan. Jadi ia boleh dikeluarkan oleh hospital ataupun agensi-agensi sebagaimana polis dan juga lain-lain agensi yang telah kita lantik. Jadi ia akan pergi terus kepada JPN nanti.



**Tuan Pengerusi:** Secara paksaanlah, mesti? Itu adalah syarat-syaratnya. Semua pengeluaran *death certificate* itu perlulah dilaporkan?

**Puan Rosnani A. Rashid:** Perlu dilaporkanlah. Oleh sebab itu kadang-kadang kita ada yang lewat melaporkan itu menjadikan daftar lewat kematian.

**Tuan Pengerusi:** Kes-kes yang terdahulu itu kita tidak boleh buat apalah? Semua orang yang meninggal dunia tetapi belum ada...

**Puan Rosnani A. Rashid:** Mana-mana yang tidak melaporkannya Tuan Pengerusi, kita ada peruntukan iaitu di bawah daftar lewat lah. Mereka akan datang, penganjur akan datang untuk mendaftar lewat kematian. Jadi kes-kes yang lama itu berdasarkan bukti-bukti seperti permit mengubur itu. Kita akan proses berdasarkan bukti.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Kematian ini sesungguhnya memang ada peraturan untuk diwajibkan untuk melaporkannya, bukan? Ada peraturan, bukan? Kalau tidak, melanggar peraturanlah, bukan?

**Puan Rosnani A. Rashid:** Kalau sekiranya dia lewat daripada tarikh yang kita berikan itu, *so* dia akan menjadikan daftar lewat kematian.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Macam kelahiran?

**Puan Rosnani A. Rashid:** Ya, sama.

**Beberapa Ahli:** [*Berbincang sesama sendiri*] [*Mikrofon dimatikan*]

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Yang Berhormat, saya hendak menjelaskan sedikit mengenai apa yang disebutkan oleh saudara Mohd Noor tadi berkenaan dengan pindah pengundi tadi, dan sebelum ini kita ada membincangkan tentang perpindahan pengundi tadi. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, pindah pengundi – saya rasa yang dia maksudkan itu iaitu sekarang ini pegawai-pegawai SPR boleh melaksanakan dua perkara iaitu mendaftar pengundi baru dan mengambil maklumat ataupun memproses permohonan berpindah ataupun bertukar alamat dan kita tidak benarkan yang kita bagi kepada penolong-penolong pendaftar parti politik.

Mereka hanya dibenarkan untuk mendaftarkan yang baru sahaja kerana mereka tidak ada akses *direct* kepada sistem ALIS dengan JPN, tetapi kita ada. Oleh sebab itulah kita benarkan mereka itu hanya boleh mengambil permohonan baru sahaja dan biarkan pegawai-pegawai SPR sahaja yang boleh. Di sana pun apabila kita terima, kita masih juga *check* dengan JPN tadi. Jadi dia minta supaya dia dibenarkan tukar alamat. Jadi, selepas ini kita putus kita tidak benarkanlah.

■1030

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Untuk pemilih baru sahaja Tan Sri.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Itu saya tahu tapi yang perpindahan...

**Dato' Haji Noordin Che Ngah:** Tidak boleh. Pegawai SPR ataupun yang mana agensi-agensi kerajaan ya.

**Beberapa Ahli:** [*Berbincang sesama sendiri*]

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Saya cadang sementara kita tunggu saksi-saksi baru kita minum kopi dulu... [Ketawa] Sampai lebih kurang pukul 11 – minum kopi sikitlah okey. Kalau tidak ada saksi baru kita akan *adjourn*. Okey terima kasihlah.

[Berbincang sesama sendiri] [Mikrofon dimatikan]

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Baik kita ada seorang lagi individu. Silakan.

[Saksi individu Encik Mohd Apani Mohamad mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

10.34 pg.

**Encik Mohd Apani Mohamad [Individu]:** *Assalamualikum warahmatullahi wabarakatuh and happy morning. I represent Kelantan State of Government. I would like to suggest if possible...*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Untuk rekod boleh sebutkan nama dan wakil pertubuhan atau perwakilan apa atau individu.

**Encik Mohd Apani Mohamad:** *My name is Mohd Apani Mohamad, currently penyelia Parlimen Jeli.*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Untuk rekod semua yang diperkatakan akan direkodkan secara *verbatim* untuk *Hansard* Parlimen dan ini merupakan sesi Parlimen.

**Encik Mohd Apani Mohamad:** *Malay or English?... [Disampuk]* Saya ucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan kepada saya untuk memberi sedikit pandangan tentang cara penambahbaikan kalau masih dibenarkan oleh undang-undang dan masih ada waktu.

Saya lebih fokus kerana kawasan saya, kawasan Parlimen Jeli mempunyai lebih kurang 3,000 ke 4,000 orang pengundi pos. 3,500 pengundi pos. Jadi saya hendak mencadangkan kalau dapat terutama pengundi pos yang menjadi isu yang cukup hangat diperkatakan oleh masyarakat. Umpamanya di kawasan Jeli kem tersebut adalah kem sementara, kedua-dua kem – kem 301 dan kem 302 adalah kem sementara dan tidak ada rumah kelamin di dalam kem tersebut. Anggota-anggota tentera yang sudah berkahwin semuanya berada di luar dari kem, yang berada di dalam kem hanyalah pengundi-pengundi bujang.

Jadi saya hendak mencadangkan supaya dipaparkan keanggotaan sebenar dalam kem tersebut supaya jangan bilangan itu bila hampir pilihan raya bertambah secara mendadak. Jauh daripada pilihan raya angkanya 2/3 dari angka sebelum pilihan raya. Jadi maknanya dari sudut tentera mereka kena pastikan kalau kem itu saiznya berapa, kita mesti sudah ada jelas tentang saiz anggota dengan kem tersebut, satu.

Kedua, saya hendak mencadangkan kalau dapat diberi perhatian serius oleh pihak yang berwajib ialah kalau boleh dibenarkan tempat mengundi itu kerana di dalam kem, kuasa kem adalah tentera. Kita boleh buat tempat mengundi berhampiran dengan kem tetapi biar di luar daripada dalam kem kerana kalau di luar daripada kem SPR lebih berkuasa. Itu saya rasa itu yang kalau dapat dibuat yang itu *insya-Allah* saya rasa banyak pihak berpuas hati. Saya rasa cukup sekadar itu terima kasih kerana memberi peluang dan kesempatan yang diberikan kepada saya.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Itu sahaja?

**Encik Mohd Apandi Mohamad:** Okey.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Okey, terima kasihlah.

**Encik Mohd Apandi Mohamad:** Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih, kita akan ambil kiralah semua itu.

**Encik Mohd Apandi Mohamad:** Okey, okey. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *Thank you.*

**Beberapa Ahli:** *[Berbincang sesama sendiri]*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tadi kita memang sudah cadang ada kem-kem itu akan laksanakan undi awalkan? Melalui undi awal. Sekarang soalnya tempat mereka undi sahajalah... *[Ketawa]* Pandangan.

**Lt. Kol. Omar Daud [Penyelaras Parlimen, Kementerian Pertahanan]:** Okey, Tuan Pengerusi untuk penjelasan Batalion 301 dan 302 yang di *mention* tadi di kem Batu Melintang dan di Batu 11 adalah Batalion Rejimen Sempadan. Jadi memang tidak ada kuarters tetapi bilangannya lebih oleh kerana ia berbeza sedikit dengan batalion-batalion lain. Kalau tidak silap saya ia ada sampai enam kompeni kalau tidak silap saya dia berbeza. Bermakna kem itulah kem operasi maknanya semua anggota berada di situ bukan orang bujang. Orang *married, bachelor* makna okey.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *Married*lah.

**Lt. Kol. Omar Daud:** Ya, *because* kem operasi bermakna dia terpaksa meninggalkan isteri-isteri dia contohnya berhampiranlah kalau di Tanah Merah dan sebagainya...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Lt. Kol. Omar Daud:** Untuk *married* pun duduk di kem, *yes*.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Isteri tidak ada di sana lah.

**Lt. Kol. Omar Daud:** Tidak ada di sana. Okey, jadi dia ada *rotation* dialah untuk apabila dia bertugas mungkin beberapa hari bulan dia akan pergi *off day* lah untuk dia balik. Itu dia punya konsepnya tetapi saya tidak pastilah dia daftar bersama isteri tetapi kalau ikut peraturan, seorang anggota tentera isterinya berhak untuk boleh memilih untuk mengundi secara pos. Dia ada hak tetapi saya tidak pasti senarai itu.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Askar itu perlu bertugas di sempadan itu.

**Lt. Kol. Omar Daud:** Ya, ya.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *They have to be concern on the alert, on both side.*

**Lt. Kol. Omar Daud:** Akan tetapi, kalau...

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Boleh kaji keadaan. Beri keterangan tentang keadaan itu.

**Beberapa Ahli:** *[Berbincang sesama sendiri] [Mikrofon dimatikan]*

**Lt. Kol. Omar Daud:** Akan tetapi Tan Sri, kalau kita sudah memilih untuk undi awal saya rasa tidak ada.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Ya.

**Beberapa Ahli:** *[Berbincang sesama sendiri] [Mikrofon dimatikan]*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tunggu lagi lima minit. Kalau tidak ada, kita balik...  
[Ketawa]

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Mikrofon dimatikan]

**Lt. Kol. Omar Daud:** Itu 301, 302 kita sudah tukar nama. Sekarang ini kita panggil Rejimen Sempadan. Satu rejimen sempadan, dua rejimen sempadan makna bilangan di sana anggota tentera sahaja 678 satu batalion dan satu batalion kedua iaitu 617 memang berlebihan. Pasangan dia 306 orang untuk batalion pertama dan batalion kedua 199. Dia daftar makna isteri dia daftar sebagai pengundi pos makna tidak melanggar daripada peraturan.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Jumlah lebih kurang...

**Lt. Kol. Omar Daud:** *Almost, almost.* Akan tetapi, kalau dituduh 4,000 itu tidak logiklah. Ini pendaftaran sebenar.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** 1,000 sahaja.

**Lt. Kol. Omar Daud:** 1,000? Kalau 1,000 okey adalah betul.

**Beberapa Ahli:** [Berbincang sesama sendiri-mikrofon dimatikan]

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Saksi dia cakap apabila sampai pilihan raya tertentu bilangan itu tambah, selepas itu kurang. Itu tidak ada.

#### ■1045

**Lt. Kol. Omar Daud:** Tuan Pengerusi, bagi saya undi pos ini adalah persepsi negatif. Ia menjadikan persepsi negatif tetapi semalam saya bercakap panjang dengan pembentang daripada PAS itu, saya terang kepada dia. *Actually*, apabila dia kata mengundi di tentera ini ada paksaan, saya kata tidak langsung, saya kata tidak ada. Saya terang kepada dia bahawa saksi untuk tandatangan untuk mengesahkan siapa saya dan saya pergi untuk undi adalah di petak yang dikhaskan. Tidak ada orang, sesiapa pun akan pergi tengok awak undi siapa, tidak ada. Saya kata, sekiranya akan diimplementasikan cadangan undi awal, bermakna anggota tentera akan mengundi masuk petak atau *box yang transparent*. Dulu masuk karung, *now* akan masuk *box transparent*. *So*, lepas itu dia kata okeylah, kalau macam itu dia puas hati, *because* sama juga Tan Sri, kalau nak bercakap mengenai ini. Saya bersetuju undi yang Sabah dan Sarawak, *because* kita kena tengok definisi, dia mahu menetap, bermastautin di sana ataupun dia bekerja.

Yang menetap *sure* dia boleh terima mengundi di mana-mana tetapi kalau dia bekerja, sentimen untuk mengundi di kawasan masih ada. Pandangan saya, untuk yang terbaik ialah undi pos tetapi undi pos ini dia jadi negatif kita, padahal negara-negara lain dah banyak sudah hendak *implement* undi-undi pos, kita jadi negatif. Di negara-negara maju, *yes*. Maknanya, tidak perlu pergi mengundi secara fizikal, hanya undi pos tetapi kita ini apabila sebut sahaja undi pos, persepsi negatif, fobia. Itu sahaja.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Okeylah, terima kasihlah semua pegawai-pegawai ini. Bagi pihak Jawatankuasa, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana kita semua sudah tunggu lama. Oleh kerana tidak ada saksi baru, saya cadangkan kita *adjourn*. Macam ini, kita terus bincang sikit dan kita tunggu sikitlah, lebih kurang pukul 11.

**Encik Che Seman bin Pa Chik [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan, Parlimen Malaysia]:** Okey, cuma kita bagi pihak agensilahkan, kita daripada segi logistik, memang kita dah sedia sudah dan kita sudah sedia makan tengah hari dan sebagainya. Jadi, saya rasa kalau Jawatankuasa hendak tangguh, mungkin tidak ada masalah. Saya rasa cuma bagi pihak kita agensi ini kita bincang sedikit daripada segi laporan-laporan, kemaskini laporan-laporan *and then* sudah kita selesai makan tengah hari apa semua itu, mungkin kita boleh berhenti. Jadi, saya mintalah setiausaha-setiausaha...

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Okey, okey. Terima kasih. Saya ingat pegawai- pegawai boleh terus bincang apa yang perlu dibuat sebagai persediaan untuk laporan dan sebagainya.

**Encik Che Seman bin Pa Chik:** Setiausaha setiap Jawatankuasa Kecil itu mungkin duduk, kita bincang, mungkin kita boleh tambah daripada segi penyediaan laporan-laporan. Pengerusi-pengerusi mungkin sudah tidak ada hari ini, kita ada setiausaha sahaja. Kita bincang di sini, di dewan ini *and then* kita mungkin kemaskini sedikit apa yang perlu *and then* untuk persediaan ke Johor Baru.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Okey, secara rasmi kita akan teruskan mesyuarat hingga petanglah tetapi saya ingat kalau tidak ada saksi, kita andaikan itu sebagai perbincangan dalaman dengan agensi-agensi. Kalau ada saksi, kita boleh teruskanlah. Yang Berhormat Kapit ada sini, dia boleh panggil dan sebagainya. Okey? Terima kasihlah.

***Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 10.51 pagi.***